

05/11/2000

Isu Anwar: Reaksi dibuat tanpa memahami fakta sebenar

Penulis Khas

ISU berkaitan Datuk Seri Anwar Ibrahim dibangkitkan semula oleh sekumpulan Ahli Kongres Amerika Syarikat yang menfailkan satu resolusi di Dewan Perwakilan, mendesak kerajaan Malaysia menggugurkan semua tuduhan mahkamah atau mengadakan perbicaraan semula terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Sejak sekian lama isu Anwar terus `didengarkan' oleh parti pembangkang, terutama Parti Keadilan Nasional Malaysia (Keadilan) melalui akhbar milik parti yang menyokong perjuangan, Internet dan tidak kurang bantuan media asing.

Masa berlalu, sebahagian besar rakyat di negara ini tidak lagi berminat mengikuti isu Anwar. Keghairahan mengadakan demonstrasi jalanan dan rusuhan oleh kumpulan pro-Anwar, juga sudah hampir berkubur.

Ini disedari oleh penyokong Anwar terutamanya Ketua Pemuda Keadilan, Mohamed Ezam Mohd Noor sebagai satu petanda bahaya. Sebelum isu ini mendung di dalam negara dan berjangkit di luar negara, mereka beralih kepada modus operandi lain. Kali ini dengan mewujudkan kumpulan melobi `upahan' di arena antarabangsa untuk melemahkan ekonomi negara dan memburuk-burukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan Eropah.

(Akhbar Singapura baru-baru ini melaporkan penyokong Anwar membayar AS\$50,000 (RM190,000) kepada sebuah firma berpusat di Washington bagi memastikan tindakan memenjarakan beliau menjadi agenda utama antarabangsa serta untuk mengenakan tekanan ekonomi terhadap Malaysia).

Apa yang nyata, meskipun mahkamah sudah membuat keputusan dan Anwar didapati bersalah, langkah untuk `membebaskan' Anwar masih lagi dijalankan. Tumpuan dikatakan lebih agresif dan bertumpu di arena antarabangsa, semata-mata untuk menarik simpati.

Tidak hairanlah, isu yang berkaitan keadilan undang-undang membabitkan nasib Anwar, cuba diputarbelitkan. Banyak yang ditokok tambah dan ada pula yang diperbaharui supaya isu itu tidak terus basi.

Tetapi, fakta dan kesahihan tidak boleh diubah atau dinafikan. Cuma, isu Anwar ini berbalik kepada masalah kefahaman dan penerimaan.

Bermakna, maklumat yang tepat perlu disebar dan diperjelaskan kepada rakyat Malaysia atau masyarakat dunia.

Perkara yang tidak benar bermula awal lagi pada tanggal 2 September 1998 apabila Dr Mahathir memecat Anwar.

Sebenarnya, menjadi hak Perdana Menteri untuk melantik atau memecat anggota Kabinetnya. Pemecatan Anwar titik tolak daripada hasil siasatan polis mengenai tingkah lakunya.

Bagaimanapun, dikatakan `perselisihan politik' adalah punca membawa kepada penahanan Anwar pada 20 September 1998.

Sebenarnya, peranan Anwar berhubung penahanannya itu sudah bermula sewaktu Peguam Negara menyiapkan dakwaan terhadapnya. Sememangnya, Anwar seorang peminat atau `orator' mahir. Dengan menjadikan ceramahnya bersifat provokasi dan berhujah dengan berapi sekali di masjid dan tempat awam, beliau menyalakan api kebencian dan kemarahan terhadap Dr Mahathir dan pemimpin negara.

Kuala Lumpur menjadi gelanggang pilihannya waktu itu kerana di sinilah orang Melayu, Cina dan India hidup aman dan bersatu padu sejak berabad lamanya.

Pada hari penahanannya, penyokongnya merusuh dan menyerang ibu pejabat

Umno - sebuah parti terbesar dan terulung di negara ini. Malah, lebih menyedihkan, apabila perusuh cuba bertindak membakar kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana selepas Anwar dan penyokongnya menjadikan Masjid Negara sebagai gelanggang mengutuk kerajaan.

Apabila rakyat melihat kejadian ini dengan penuh perasaan, polis terpaksa menahan Anwar bagi mengelak kejadian lebih buruk. Polis terpaksa mengambil tindakan ke tahap maksimum untuk menyekat rusuhan menjadi lebih buruk. Berbekalkan tuduhan yang dihadapinya, pada saat itu Anwar terus berceramah di seluruh negara.

Rakyat Malaysia cintakan keamanan. Mereka tidak pernah berdemonstrasi kerana ia bukan budaya mereka. Jika berkelahi atau berselisih pendapat, mereka lebih gemar memilih meja rundingan.

Apabila Anwar tampil di mahkamah, beliau memberitahu hakim mengenai layanan yang diterima pada hari pertama beliau ditahan. Itu adalah benar.

Dr Mahathir pula menyifatkan tindakan Anwar membesar-besarkan isu dia ditumbuk polis sehingga matanya lebam, sebagai menarik simpati. Apa yang sebenarnya ialah selepas Anwar tampil dengan mata lebamnya itu pada 29 September 1998, Perdana Menteri memanggil satu persidangan akhbar di pejabatnya untuk mengumumkan tindakan akan diambil terhadap polis jika mereka didapati memukul Anwar. Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan tertolak ansur dengan kekejaman yang dilakukan polis. Pihak berkuasa katanya, sedang menjalankan penyiasatan.

Pada masa yang sama, seorang pemberita bertanya sama ada mungkin kecederaan Anwar itu dilakukannya sendiri. Perdana Menteri menjawab (berikutan kes itu masih dalam siasatan polis), kemungkinan perkara itu tidak boleh diketepikan.

Dr Mahathir sebenarnya tidak berniat untuk memberi kenyataan seperti itu. Dalam bidangewartawanan, menjawab soalan secara rela yang ditanya oleh pemberita adalah diperlukan bagi memastikan sesuatu fakta tidak disalahertikan. Apapun, tujuan Dr Mahathir memanggil sidang akhbar pada 30 Oktober itu adalah untuk memberitahu mengenai kekasaran polis dan memberi jaminan tindakan akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Pada 29 September 1998, Anwar akhirnya didakwa dengan sembilan tuduhan membabitkan rasuah dan salah laku seks, termasuk liwat.

Bagaimanapun, timbul tuduhan bahawa saksi kerajaan yang dipaksa berbohong menyebabkan timbul persoalan mengenai kesahihan tuduhan yang dihadapi Anwar itu. Ada yang mendakwa tuduhan itu sengaja diwujudkan untuk menghancurkan Anwar.

Apa yang sebenarnya ialah tuduhan itu amat jelas dan tiada saksi kerajaan berbohong sepanjang perbicaraan itu.

Ia juga benar apabila pada 19 April 1999 Anwar didapati bersalah atas empat tuduhan dan dijatuh hukuman penjara enam tahun. Ia juga benar pada 8 Ogos tahun ini Anwar didapati bersalah atas tuduhan melakukan liwat dan dihukum tujuh tahun penjara.

Bagaimanapun, ketika kedua-dua perbicaraan diadakan timbul beberapa dakwaan berlaku 'kejangalan' berkaitan peraturan, antaranya keengganan hakim membenarkan wakil media massa memasuki kamar perbicaraan ketika saksi memberikan pengakuan liwat.

Apa yang sebenarnya, beberapa hari sebelum itu, CNN sudah memperbesar-besarkan mengenai kes perbicaraan itu dengan wartawan, diplomat, pemerhati antarabangsa dan ahli keluarga Anwar memasuki ruang mahkamah. Perbicaraan itu dibuka kepada awam dan sesiapa saja dibenarkan masuk, bergantung kepada kekosongan tempat duduk di dalam mahkamah.

Mahkamah berkenaan hanya mampu menampung 75 orang dan 30 tempat duduk lagi dikhaskan kepada wartawan, wakil hak asasi antarabangsa dan wakil peguam. Ketika itu, keutamaan diberikan kepada ahli keluarga Anwar. Penyokong Anwar dibenarkan masuk tetapi bergantung kepada `siapa dulu, dia

dapat'. Bagi membolehkan rakyat asing mengikuti perbicaraan itu, hakim mengendalikan perbicaraan dalam bahasa Inggeris meskipun, mengikut prosedur bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi mahkamah.

Mahkamah sebenarnya tidak membenarkan kehadiran media massa, ketika pengakuan liwat adalah untuk melindungi kemuliaan saksi kerana keterangannya yang rapi dan terperinci boleh mengaibkannya, termasuk kepada tertuduh dan orang awam.

Begitu juga timbul persoalan mengenai pindaan tarikh berlakunya kejadian liwat oleh pihak pendakwa selepas melihat bahawa bangunan (tempat berlakunya liwat) belum lagi dibina dan juga ketika itu Anwar tidak berada di dalam negara.

Pihak pendakwa sebenarnya mempunyai hak untuk mengubah sebarang kandungan dalam tuduhan pada sebarang masa sebelum kes berkenaan ditutup pendakwa.

Hakim pula boleh membuat pindaan pada sebarang masa sebelum hakim memberi kesimpulan kes.

Berbalik kepada soal masa, ia tidak begitu relevan kerana apa yang penting ialah "kemahuan dan tindakan" pihak terbabit.

Perkara ini juga boleh dipinda bergantung kepada bukti. Sebagai contoh, tuduhan membunuh boleh dipinda kepada membunuh secara tidak disengaja (culpable homicide).

Berbalik kepada tuduhan beberapa kerajaan asing seperti Australia, New Zealand, United Kingdom (UK), termasuk Eropah dan Amerika Syarikat mengenai cara Malaysia mengendalikan kes Anwar, memang benar banyak negara menyatakan pandangan mereka.

Bagaimanapun, reaksi mereka itu dibuat tanpa memahami fakta sebenarnya. Walaupun komen itu ditujukan kepada kerajaan Malaysia, ia sebenarnya merujuk kepada Peguam Negara yang mendakwa Anwar berdasarkan kepada siasatan polis.

Jadi, berbalik kepada kecaman dan komen negara asing terhadap kes Anwar, misalnya, dalam Laporan Hak Asasi 2000 yang dikeluarkan Jabatan Negara Amerika Syarikat menyatakan berlakunya pelanggaran prosedur dalam perbicaraan Anwar dan terus mengecam badan perundangan Malaysia.

Benar, itu hak mereka untuk menyatakan pandangan. Perbicaraan itu dijalankan mengikut lunas perundangan Malaysia. Anwar beberapa kali mengemukakan tuntutan ke atas `kerosakan" yang ditanggungnya di dalam mahkamah. Beliau juga mengemukakan rayuan.

Begitu juga dengan dakwaan bahawa kes `memenjarakan' Anwar melambangkan bahawa sistem demokrasi dan keadilan undang-undang di Malaysia sudah lenyap. Inilah yang diwarwarkan dan ia adalah salah.

Mati atau rosaknya sistem demokrasi dan keadilan undang-undang adalah satu bentuk tuduhan melulu dan ia datangnya di kalangan rakyat Malaysia sendiri. Demokrasi sebenarnya `hidup' dan mekar di Malaysia.

Begitu juga perundangan terus utuh. Pelancong datang begitu ramai, perniagaan berkembang pesat dan kadar jenayah, menurun. Apa yang benar ialah semua proses yang membawa kepada penahanan Anwar bermula sejak dia menggunakan proses undang-undang dengan membuat laporan polis. Beliau kemudian memperolehi injunksi awam. Kes ini terus berlarutan dipersoalkan di peringkat antarabangsa. Kali ini dikaitkan dengan reputasi Malaysia yang dikatakan menurun, termasuk menjejaskan hubungan Kuala Lumpur dengan Washington.

Apa yang sebenarnya ialah Malaysia amat menghormati dan menyanjungi hubungannya dengan Amerika Syarikat, apatah lagi dengan meningkatnya jumlah pelaburan terus asing (FDI) negara itu, di Malaysia.

Kes Anwar sebenarnya adalah kes undang-undang. Malaysia sentiasa menghormati keadilan dan keutuhan undang-undang. Anwar telah diberi peluang untuk menafi dan membebaskan diri daripada setiap tuduhan yang

dikenakan terhadapnya.

Beliau bagaimanapun tidak berusaha untuk mempertahankan dirinya, sebaliknya menegaskan bahawa setiap tuduhan itu sebagai konspirasi.

Dan, terbaru pula kerajaan Malaysia diminta memberikan keadilan semula, sama ada menawarkannya perbicaraan semula atau menggugurkan semua tuduhan terhadapnya sebelum ini.

Dalam hal ini, Anwar sebenarnya sudah diberi hak mengikut undang-undang. Perbicaraan dijalankan dengan adil dan telus. Proses perbicaraan berterusan sehingga ke Mahkamah Rayuan. Rayuan itu membolehkan Anwar merebut peluang untuk menjawab segala tuduhan terhadapnya.

Malah, peguam terbaik juga menjadi pembela Anwar di mahkamah. Mereka sepatutnya menggunakan kemahiran undang-undang mereka dengan cara betul untuk mempertahankan anak guamnya itu, daripada menyokong wujudnya konspirasi di sebalik tuduhan yang dihadapi Anwar.

Akhir sekali, kedengaran pula kononnya seluruh rakyat Malaysia perlu dibenar mengguna dan mempraktikkan hak asasi mereka.

Ini termasuklah memberikan pandangan mengenai keadaan politik tanpa ada rasa takut ditahan pihak berkuasa atau daripada sebarang ancaman dan gertakan.

Malaysia sebenarnya sebuah negara yang mengamalkan kebebasan bersuara, berpersatuan dan hak untuk menyatakan pendapat politik.

Meskipun ada yang mendakwa kononnya akhbar tempatan penuh dengan laporan berat sebelah, akhbar juga turut menyiarkan komen dan pandangan pemimpin pembangkang.

Setiap individu juga boleh memberi pandangan melalui ruangan surat pembaca terhadap isu semasa yang diperdebatkan.

Bagaimanapun, kebanyakan pemimpin pembangkang lebih gemar menggunakan Internet dengan mewujudkan halaman web pembangkang masing-masing.

Begitu juga kebebasan mendapat dan membeli akhbar, majalah, jurnal dan buku luar negara. Akhbar Asian Wall Street Journal, International Herald Tribune, Time, Newsweek dan Fortune misalnya, bebas memasarkan produk mereka di Malaysia.

Begitu juga dengan televisyen asing seperti CNN, CNBC dan BBC yang boleh ditonton semula lapisan rakyat Malaysia.

Juga satu lagi petanda baik. Penuntut universiti dan institusi pengajian tinggi juga dibenar mengetengahkan 'suara' mereka melalui Speakers' Corner' (Halaman Berdebat). Ia hendak dihidupkan semula selepas diharamkan pada pertengahan 1970-an berikutan berlakunya rusuhan pelajar yang memperjuangkan kemiskinan.

(END)